


Amaran kanser kolon

Berita HARIAN (12/06/2021) M/S 31



Lelaki berusia 40 tahun ke atas wajar jalani ujian saringan elak derita barah usus

Oleh Ilah Hafiz Aziz

illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Rosli Ahmad, 39, (bukan nama sebenar) biasanya membuang air besar sekurang-kurangnya tiga kali sehari, namun sejak beberapa bulan lalu berubah rutin itu dan menyangka mengalami masalah sembelit.

Apabila bertemu doktor, dia disarankan menjaga pemakanan dan mengambil lebih banyak serat, tetapi masih ada masalah membuang air besar dan paling mengkusarkan, najisnya ada kesan darah.

Kemudian Rosli bertemu pakar di sebuah hospital swasta dan selepas beberapa ujian dia disahkan mengalami kanser usus besar atau kanser kolon tahap tiga.

Begitu juga pesakit dikenali sebagai Lim, 40, disahkan mengalami kanser kolon tahap awal selepas meragui tahap kesihatannya selepas bapanya meninggal dunia akibat kanser prostat.

Lim segera melakukan saringan di hospital dan mendapati polip yang tumbuh di dalam ususnya, membesar

dan menjadi sel barah. Mujurlah ia baru pada tahap kedua dan boleh dirawat.

Kes Rosli dan Lim itu, antara ribuan pesakit kanser kolon di negara ini.

Berdasarkan laporan kanser kolon di negara ini adalah penyebab kedua kematian dan nombor satu menyerang lelaki pada 2016.

Data menunjukkan, kanser kolon ini menyerang 21.2 peratus daripada 100,000 lelaki dan 18 peratus daripada 100,000 di negara ini.

Saringan awal

Ketua Perunding dan Pakar Bedah Kolorektal Pantai Hospital Kuala Lumpur, Datuk Dr Meheshinder Singh, berkata kebanyakan pesakit dikesan mengalami penyakit itu di peringkat *advance*, iaitu di tahap ketiga ke atas.

Katanya, pengesanan peringkat awal boleh dipulihkan melalui pelbagai cara rawatan termasuk pembedahan dan kemoterapi.

"Barah kolon biasanya tidak mempunyai simptom drastik. Oleh itu, ujian saringan penting terutama mereka yang berusia 40 tahun ke atas.

"Pesakit biasanya tahu mengenai amalan harian mereka seperti rutin membuang air besar," katanya.

Simptom kanser kolon

Dr Meheshinder berkata, sekiranya kanser menyerang usus sebelah kiri, iaitu berhampiran rektum biasanya simptom itu boleh dikesan pesakit lebih awal.

"Simptom itu seperti najis berdarah, tabiat membuang air besar berbeza, sakit atau pedih menekan di perut, sakit di dubur, keluar cecair ketika membuang air besar dan kehilangan berat badan.

"Namun, simptom ini kurang berlaku sekiranya sel kanser menyerang usus di bahagian kanan. Petanda

seperti kanser di bahagian kiri mungkin sukar dikesan pesakit itu sendiri.

"Pesakit juga akan mengalami anemia atau kekurangan darah dan biasanya akan kekurangan tenaga seperti selalu semput atau lelah.

Kanser sama ada di bahagian kiri ataupun kanan boleh dikesan melalui pemeriksaan rapi dan betul," katanya.

Kanser yang *advance* adalah di mana barah merebak sama ada ke organ bersebelahan ataupun jarak jauh kebanyakannya ke hati, paru-paru, tulang ataupun otak.

Faktor genetik

Genetik menyumbang kepada kes barah usus, iaitu jika ada ahli keluarga yang mempunyai sejarah menghidap barah.

"Oleh itu, individu yang ada sejarah kanser seharusnya segera membuat saringan.

"Kemungkinan mereka tidak lagi ada sel kanser tetapi mempunyai tisu polip, jika tidak dibuang akan mengakibatkan kanser.

"Polip adalah ketumbuhan yang pada permulaannya kecil, tetapi jika ia dibiarkan akan bertambah besar seperti cendawan," katanya.

Ada pesakit mempunyai sejarah genetik kanser yang seperti mana FAP dimana terlalu banyak polip di dalam ususnya yang susah diuruskan melalui endoskopi dan rawatannya melibatkan pemuangan seluruh usus besar.



“

Barah kolon biasanya tidak mempunyai simptom drastik. Oleh itu, ujian saringan penting terutama mereka yang berusia 40 tahun ke atas.

Dr Meheshinder Singh

juga menggunakan rawatan dengan cara laparoskopi.

"Rawatan lain adalah kemoterapi dan *adjuvant therapy* yang baharu, selain mengambil ubat-ubatan yang memberi kesan baik untuk pesakit," katanya.

Saringan kanser usus

Selain itu, Dr Meheshinder berkata, hospital berkenaan mempunyai Program Ujian Imunokimia Fecal (FIT) secara percuma untuk individu berusia 45 tahun ke atas bagi mengesan kanser usus.

Gaya hidup tidak sihat

Dr Meheshinder berkata, kanser kolon berpunca daripada mengabaikan gaya hidup tidak sihat termasuk dalam soal pemakanan seharian.

"Terlalu banyak mengambil makanan berdaging merah, daging diproses, masak keterlaluan, makanan berminyak dan kurang fiber menyumbang kepada kanser ini.

"Masalah obesiti dan kurang bersenam menambah risiko lebih tinggi mendapat penyakit ini," katanya.

Kaedah rawatan

Pelbagai jenis rawatan boleh dilakukan termasuk kolectomi yang memerlukan sebahagian usus dibuang.

"Antara rawatan menerusi pembedahan. Namun, sejajar kemajuan dunia perubatan, ramai pakar bedah di Malaysia

▲ Kanser kolon di negara ini adalah penyebab kedua kematian dan nombor satu menyerang lelaki.

Ujian FIT untuk melihat darah di dalam najis, iaitu satu daripada tanda kanser usus.

"Ujian ini juga boleh mengesan polip di dalam usus yang menyebabkan barah jika tidak dibuang," katanya.

Hospital berkenaan menyasarkan ini, 1,500 orang melakukan ujian FIT.

"Hospital Pantai memainkan peranan meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan membuat saringan awal.

"Kurang 10 peratus pesakit didiagnos pada tahap satu, selebihnya sudah mencapai tahap lewat, iaitu tahap tiga. Oleh itu, ujian FIT boleh membantu mengesan sebarang simptom," katanya.

Orang ramai boleh menghubungi Jawatankuasa Sekretariat, Penyelidikan dan Etika Hospital Pantai Kuala Lumpur untuk melakukan ujian berkenaan.

info Peringkat utama kanser kolon

Polip yang tumbuh di dalam usus boleh membesar menjadi sel barah.

